

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 MAC 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cybersecurity sector will help push Malaysia further up value chain, says MOSTI minister	MIS - ASIA
2.	Saintis wanita banyak cabaran	Berita Harian
3.	Perit bahang El Nino dan bekalan air	BERNAMA
4.	Lubok Merbau records highest temperature today : Mosti	The Sun Daily Online
5.	No heatstroke case for 6 days	New Straits Times
6.	Sindiket jual gambar peribadi 10,000 wanita tempatan	Berita Harian
7.	Registration for online business mulled	Malay Mail
8.	Manfaatkan mesin, kemudahan SIRIM Rasa	Utusan Malaysia
9.	Retain valuable talents	The Star

Cybersecurity sector will help push Malaysia further up value chain, says MOSTI minister



Photo - Some of the industry recipients of security certification together with (second from left) YABhg General Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Retired), Chairman Board of Directors of CyberSecurity Malaysia; (centre in dark suits, from left) Y.B. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Minister of Science, Technology & Innovation (MOSTI); YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Deputy Minister of Science, Technology & Innovation; and Dr. Amirudin Abdul Wahab, CEO, CyberSecurity Malaysia.

According to **Malaysia's Ministry of Science Technology & Innovation (MOSTI)**, a resilient cyber security ecosystem will help to push Malaysia further up the value chain.

MOSTI minister Y.B. Datuk Seri Panglima Madius Tangau made this statement during his congratulatory address at national agency CyberSecurity Malaysia's second annual ISCB (Information Security Certification Body) and media appreciation awards ceremony at KL Hilton on 22 March 2016.

As well as presenting awards to media, ministry officials presented security certification to 18 Malaysian organisations that have successfully completed Common Criteria ISO/IEC 15408, Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001 and Malaysia Trustmark Service for e-business validation.

"Everything that can go digital in life, eventually will go digital," the minister said. "Safe security practices require the equal participation of both the public and private sectors."

"Securing cyberspace is a strategic matter and one that can also help elevate the economy. To help move Malaysia from being just information consumers to information producers," he said, who urged all players to cooperate to build a resilient cyberspace security infrastructure.

"These recognitions [awards and certifications] are recognised both nationally and internationally, especially the Common Criteria certifications," he said, adding that CyberSecurity Malaysia's efforts together with the industry placed Malaysia in the number 1 regionally with CyberSecurity preparedness and globally ranked number three in a 2014 report.

CyberSecurity Malaysia's Information Security Certification Body (ISCB) provides certification services against international standards and guidelines, which help Malaysian ICT products gain easier access to international markets and improve its competitiveness in the global ICT market.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 29 MAC 2016 (SELASA)

» Tiga wanita berjawatan tinggi kongsi cerita suka duka harungi dunia pekerjaan didominasi lelaki

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
 afzan@bh.com.my

Waktu kerja tidak merentu dengan tugas utama menjalankan kajian dalam tempoh lama di lokasi tertentu seperti kawasan kutub antara cabaran kerjaya dilalui saintis.

Situasi itu menjadi cabaran lebih getir apabila kerjaya itu dilakukan oleh wanita yang perlu membahagikan masa antara keluarga dengan tugas pejabat.

Ikuti pengalaman tiga wanita yang terbabit dalam kerjaya saintis bagaimana mengharungi pelbagai cabaran sebagai wanita berkerjaya dan isteri serta pandangan mereka terhadap masa depan sebagai saintis.

Mereka ialah Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin; Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail dan pensyarah Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (IRDI), Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Dr Wong Chiew Yen yang tetap cekal memikul tanggungjawab sebagai saintis.



Tugas saintis banyak cabaran.

[GAMBAR HIASAN]



1 Fadilah Baharin

Fadilah yang memiliki kelulusan dalam bidang nuklear, umpamanya berkata, lahan kerjaya sebagai saintis tidak banyak halangan kerana rakan sekerja dan majikan yang sentiasa bekerjasama, selain mendorong kerjaya masing-masing.

Bagaimanapun, rezeki dalam kehidupan peribadi, beliau sangat getir apabila pada saat berada di puncak kerjaya di Jabatan Standard Malaysia, beliau pula disahkan menghidap kanser payudara tahap satu.

"Apa yang tergambar dalam fikiran saya hanyalah mati," katanya pada Forum Wanita Dalam Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), sempena

sambutan Hari Wanita Antarabangsa, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisad Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahizat Abdul Jalil. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

Arwah suami penguat semangat
 Bagaimanapun, Fadilah bersyukur kerana memiliki ketua dan majikan yang memahami dan menasihati beliau untuk berubat dan lupakan soal kerja buat seketika.

Ibu kepada empat anak ini memberitahu, beliau mengambil tempoh hampir dua tahun menerima hakikat sebagai penghidap kanser dan menjalani rawatan di kampung sebagai alternatif bagi perubahan moden.

Malang bagaikan bertimpa apabila sewaktu berperang melawan sakit, suami beliau meninggal dunia.

"Dunia saya terasa gelap. Waktu itu, kekuatan yang ada dalam diri saya ialah motivasi daripada suami yang sewaktu hayatnya berpesan kepada saya untuk kuat melawan sakit. Kata motivasi itu menjadi pembakar semangat saya melawan kanser," katanya.

Selapas kematian suami, kakak beliau mengambil alih peranan arwah suami menjaga beliau, namun tidak lama selepas itu,

Saintis wanita banyak cabaran



Dari kiri, Fadilah, Che Gayah dan Dr Wong pada **Forum Wanita Dalam Sains** anjuran MOSTI, sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa, baru-baru ini.

[FOTO ROHANIS SHUKRI / BHE]

“Ketua memang berperanan penting dalam mendorong kita untuk berjaya. Ketua saya banyak memberikan sokongan, malah beliau menjadi imam, jenazah suami saya. Hari ini saya melihat rakan sekerja sebagai kekuatan untuk saya melakukan kerja sebaik mungkin sebagai balasan kepada kebaikan yang mereka lakukan kepada saya”

kakaknya pula meninggal dunia.


"Lima anak kakak saya itu saya perlu jaga. Sudahlah sakit, saya hilang lagi tempat bergantung. Ketika itu, baru saya sedar tidak guna saya merintih kerana saya saja harapan anak dan anak saudara saya untuk bergantung.

"Saya perlu kuat untuk melawan penyakit ini dan berkat keyakinan dan sikap positif, saya berjaya mengharungi dugaan berkenaan. Kini saya pulih daripada kanser," katanya.

Majikan dan rakan beri kekuatan

Fadilah tidak putus menyebut ucapan terima kasih kepada majikan dan rakan sekerja yang banyak membantu dan memberikan sokongan dalam memperolehi kekuatan melawan kanser kerana lama mengambil cuti sakit.

"Ketua memang berperanan penting dalam mendorong kita untuk berjaya. Ketua saya banyak memberikan sokongan, malah beliau menjadi imam solat jenazah suami saya. Hari ini saya melihat rakan sekerja sebagai kekuatan untuk saya melakukan kerja sebaik mungkin sebagai balasan kepada kebaikan yang mereka lakukan kepada saya," katanya.



SAMBUNGAN...

BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 13

TARIKH : 29 MAC 2016 (SELASA)



2 Che Gayah

“Majikan atau ketua yang bijak perlu memberikan peluang dan sokongan kepada kakitangannya yang berhadapan dengan masalah tertentu. Walaupun produktiviti mereka mungkin rendah, tetapi di situlah kita boleh nampak **bagaimana hebatnya wanita yang tetap mahukan kerja dan membesarkan anak**”

Che Gayah mengakui, ramai yang tidak menggemari kerjaya saintis kerana menganggap ia tugas yang membebankan terutama apabila perlu juga memberi tumpuan kepada urusan rumah tangga.

Katanya, lazimnya beliau tidak dapat meluangkan masa bercuti pada hujung tahun bersama anak kerana pada waktu itu kerap berlaku banjir besar dan perubahan cuaca tidak menentu.

“Saya hanya bercuti bersama anak selepas semuanya selesai. Bagi saya, ibu muda yang baru membina keluarga antara kelompok paling terkekan untuk membahagikan masa antara kerjaya dengan keluarga,” katanya.

Namun, majikan perlu memahami tanggungjawab mereka membesarkan anak yang masih kecil dan memerlukan perhatian untuk mengelak produktiviti menurun.

“Majikan atau ketua yang bijak perlu memberikan peluang dan sokongan kepada kakitangannya yang berhadapan dengan masalah tertentu. Walaupun produktiviti mereka mungkin rendah, tetapi di situlah kita boleh nampak **bagaimana hebatnya wanita yang tetap mahukan kerja dan membesarkan anak**.”

“Disebabkan itu, kerjasama antara majikan dengan pekerja perlu dititikberatkan kerana majikan

perlu memahami tanggungjawab wanita terhadap keluarga. Apa yang penting, segala kerja yang diberikan selesai dan menepati kehendak organisasi,” katanya.

Bijak atur kerjaya

Perhatian Che Gayah berdasarkan pengalaman beliau menerajui Jabatan Meteorologi Malaysia, yang mana jabatan ini dianggotai oleh saintis wanita yang sama ramai dengan rakan sejawat lelaki.

Dalam skop bidang Meteorologi,

beliau mengakui tidak menghadapi masalah kekurangan saintis wanita, cuma yang membezakan ialah bagaimana mereka perlu membawa diri dalam bidang yang memerlukan penguasaan menyeluruh.

Che Gayah berkata, dasar kerajaan pada hakikatnya banyak membantu menaikkan jumlah wanita, namun yang menjadi masalah ialah bagaimana untuk menguruskan masa dengan baik antara kerjaya dengan anak terutama saintis yang ada anak kecil.



Majikan perlu memahami tanggungjawab wanita dalam keluarga.



3 Dr Wong



“Wanita boleh memegang banyak peranan dalam satu masa termasuk menjadi anak, ibu dan isteri. Itu bukti kekuatan wanita. Namun, tidak dinafikan keluarga dan persekitaran amat membantu mereka untuk cemerlang dalam lapangan diceburi”

Kepercayaan ibu bapa menjadi saintis dimanfaatkan oleh Dr Wong secukupnya untuk menonjolkan kemampuan dalam bidang sains termasuk meraih kejayaan menjalankan penyelidikan di Antartika dan Artik.

Bagi Dr Wong, pengalaman itu membuktikan wanita juga mampu melakukan tugas setanding lelaki.

Katanya, wanita tidak lemah, sebaliknya hanya persepsi yang akan membunuh wanita dalam kerjaya

yang semangannya boleh dilakukan wanita, yang dilihat lebih tekun dalam membuat kerja kajian.

Sokongan keluarga penting

“Wanita boleh memegang banyak peranan dalam satu masa termasuk menjadi anak, ibu dan isteri. Itu bukti kekuatan wanita. Namun, tidak dinafikan keluarga dan persekitaran amat membantu mereka untuk cemerlang dalam lapangan diceburi.”

“Ada masa suami perlu menjaga anak dan memasak. Lakukan tugas itu bergilir-gilir atau ikut kesesuaian keadaan, sekiranya isteri perlu keluar membuat kajian. Sokongan sebegini sudah cukup mendorong wanita untuk melakukan yang terbaik dalam kerjaya mereka,” katanya.





Perit Bahang El Nino Dan Bekalan Air



Musim panas sekarang menyebabkan paras air di Empangan Teluk Bahang, Pulau Pinang, begitu susut. Ramai orang sudah memikirkan akan berlakunya kekurangan bekalan air dan catuan mungkin terpaksa dilakukan. *Foto: K.Ganeson*

Oleh Melati Mohd Ariff

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Bila berlaku musim panas sekarang, mesti ramai yang mula berasa cemas memikirkan kekurangan bekalan air dan catuan yang mungkin terpaksa dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan.

Kalau ini berlaku, ia bukanlah kali pertama.



Musim kemarau yang melanda negara sejak sebulan lepas menyebabkan juga kebimbangan para petani disebabkan sumber air untuk tanaman mereka sudah mula kering. *Foto: K.Ganeson*

Seperti kata S. Piarapakaran, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), sejak tahun 2014, beberapa insiden kekurangan bekalan air mentah serta insiden pencemaran air mentah telahpun berlaku.

Keadaan itu menyebabkan gangguan bekalan air terawat dan memaksa catuan air dilakukan.

Kata beliau, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang telah mengalami beberapa catuan air sejak tahun 2014 sehingga kini.



KURANG HUJAN

Cuaca panas yang sedang melanda negara dikaitkan antaranya dengan fenomena El Nino yang berpunca daripada pemanasan lautan yang mencetuskan keadaan cuaca luar biasa.

Di tempat-tempat tertentu, fenomena ini mengakibatkan banjir teruk dan kemarau berpanjangan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengeluarkan kenyataan mengenai cuaca panas seawal Januari 2016 lagi.

Cuaca panas dan kering yang pada masa itu melanda Perlis dan Kedah dilaporkan dijangka dirasai juga di seluruh Semenanjung.

Keadaan cuaca panas serta kering luar biasa itu dijangka berlarutan dari bulan Januari hingga Mac 2016 dan dikaitkan dengan kejadian fenomena El Nino.

Turut terkesan dengan cuaca panas itu ialah Sabah dan Timur Sarawak.

Fenomena El Nino, menurut MOSTI, dijangka boleh menyebabkan pengurangan jumlah hujan antara 20 peratus hingga 60 peratus sementara suhu pula dijangka meningkat 0.5 darjah Celsius hingga 2.0 darjah Celsius, berbanding biasa.

Kejadian Ekuinoks yang berlaku pada 20 Mac lepas dijangka menambah kepada cuaca panas hingga bulan April.

Sehingga 18 Mac 2016, suhu tertinggi dicatat ialah 39.1 darjah Celsius iaitu di Alor Setar, Kedah sementara di Chuping, Perlis, suhu pada tarikh yang sama ialah 38.9 darjah Celsius.

Menurut rekod MOSTI, Chuping, Perlis pernah mencatat suhu 40.1 darjah Celsius pada 9 April 1998 sewaktu fenomena El Nino melanda kuat negara.

Perkara yang perlu diawasi akibat suhu melampau ialah gelombang haba, situasi yang boleh menyebabkan risiko kesihatan iaitu strok haba.

Menurut MOSTI, bagi Malaysia, ada dua situasi yang boleh menyumbang kepada gelombang haba.

Ambang gelombang haba berlaku apabila, satu, suhu tertinggi harian (atau suhu maksimum) sesuatu tempat telah mencapai 35 darjah Celsius untuk lima hari berturut-turut dan ia melebihi 2 darjah Celsius daripada purata jangka panjang suhu maksimum.

Situasi kedua, apabila suhu tertinggi harian mencapai atau melebihi 37 darjah Celsius untuk tempoh tiga hari berturut-turut untuk tempat berkenaan.

CUACA PANAS DAN TABURAN HUJAN

Ketika cuaca panas, harapan untuk hujan begitu menggunung tinggi. Sehingga ada yang rela Kuala Lumpur dilanda banjir kilat hanya inginkan hujan lebat kerana tidak tahan dengan perit bahang cuaca panas.

Sememangnya ada hujan sejak beberapa hari lepas terutamanya di sebelah petang meskipun ada rakan-rakan yang merungut hujan di kawasan mereka macam pakai kad Touch N Go, terlalu sedikit dan sekejap.

Menurut Piarapakaran, musim panas banyak mempengaruhi taburan hujan dan akan menyebabkan ia berkurangan.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila musim panas dipengaruhi El Nino.

"Pihak AWER telahpun berulang kali menegaskan bahawa kawasan yang mempunyai litupan hutan dara membantu mengurangkan impak musim panas.

"Apabila kawasan-kawasan hutan dara digondol dan guna tanah ditukar, keupayaan alam sekitar mengawal cuaca ekstrem juga akan berkurang," jelas aktivitis alam sekitar ini lagi, sambil menambah perubahan kepada guna tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Contohnya, hutan dara yang tidak diusik mengawal taburan hujan tempatan yang akan membantu mengekalkan aras air aliran sungai semasa musim panas. Kawasan perladangan walaupun mempunyai tumbuhan hijau, ia tidak boleh berfungsi seperti hutan dara! Daun yang hijau tidak bermakna ia adalah hutan," katanya.

PENCEMARAN AIR

Musim panas dan taburan hujan juga ada kesan sampingannya. Air hujan membantu mencairkan bahan-bahan terlarut dalam air sungai.

Sekiranya hujan berkurangan, kandungan bahan-bahan terlarut dalam air sungai meningkat dan akan wujud situasi di mana beberapa loji perawatan air ditutup disebabkan masalah pencemaran sebegini.

"Secara umumnya masalah pencemaran amonia adalah perkara yang akan berulang di beberapa loji perawatan air.

"Untuk mengelakkan masalah ini, pihak AWER telah pun menyeru pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mengguna kemudahan pra-rawatan bagi mengurangkan kandungan ammonia.

"Jika kandungan amonia melampaui tahap yang ditetapkan sistem pra-rawatan ini akan mula berfungsi untuk mengurangkan kandungan amonia. Ini akan membantu loji-loji perawatan air terus berfungsi tanpa gangguan," jelas Piarapakaran.

Beliau turut mencadangkan agar Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi kerajaan negeri proaktif mengenal pasti lokasi yang berpotensi berlaku pencemaran air selain daripada masalah amonia.

"Ini dapat membantu mengelakkan pencemaran yang boleh menyebabkan gangguan kepada operasi loji perawatan air," katanya.

PARAS EMPANGAN AIR

Kita pernah berdepan dengan situasi ramalan hujan tetapi tidak hujan atau jangkakan panas. tiba-tiba hujan mencurah-curah sehingga menyebabkan berlaku banjir kilat.

Piarapakaran berpandangan, ramalan cuaca di Malaysia tidak dapat dijadikan sebagai asas perancangan untuk menangani situasi kekurangan bekalan air mentah.

Sebaliknya, beliau menyarankan kerajaan patut menjadikan paras air empangan sebagai kayu ukur untuk perancangan semasa musim panas.

Sehingga 22 Mac lepas, lima buah empangan air di negara ini menjunam di bawah paras 50 peratus, iaitu Empangan Labong (Johor) 14.4 peratus kapasiti, Gemencheh (Negeri Sembilan) 22.2 peratus, Bukit Kwong (Kelantan) 31.5 peratus, Padang Saga (Kedah) 35 peratus dan Timah Tasoh (Perlis) 40.8 peratus.

Antara usaha yang pernah dijalankan kerajaan untuk menangani masalah kekeringan air di empangan ialah dengan melakukan kaedah pembenihan awan di empangan yang terjejas.

"Pembenihan awan menelan belanja dan tidak boleh dilakukan secara membuta tuli. Taburan dan saiz awan yang cukup besar serta lokasi yang sesuai sentiasa menjadi cabaran.

"Kita juga perlu sedar bahawa saiz dan taburan awan dipengaruhi oleh musim panas juga. Jika seluruh dunia bersiap sedia untuk menghadapi El Nino, saya rasa mesejnya cukup kuat untuk Malaysia bersedia.

"Jika kita terlepas peluang untuk menjalankan pembenihan awan, maka bukan senang untuk mencari taburan awan yang sesuai semasa musim panas," kata Piarapakaran, sambil menambah cuaca adalah di luar kawalan manusia dan bersedia untuk menangani situasi terburuk adalah penting.

BERNAMA



Lubok Merbau records highest temperature today: Mosti

KUALA LUMPUR: Lubok Merbau in Perak recorded the highest temperature reading of 37.9°C today due to the current extreme hot weather condition in the country.

A statement from the Ministry of Science, Technology and Innovation said Langkawi remained the most rainless district as it had not have any rainfall for the past 41 days since the El Nino phenomenon occurred, followed by Arau with 36 days.

"The public are advised to reduce outdoor activities and drink plenty of water," the statement said. — *Bernama*

No heatstroke case for 6 days

BE ALERT: Decline in heat cramp and exhaustion cases, says health D-G

FAZLEENA AZIZ
PUTRAJAYA

fazleena@nst.com.my



NO new heatstroke case was reported between March 22 and March 27, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday.

The daily monitoring of the heatwave also revealed a decline in heat cramp and exhaustion trends, he said.

"Until March 21, there have been 99 heat-related cases with patients seeking treatment in government health facilities, which include 22 cases of heat cramps, 63 cases of heat exhaustion and 14 cases of heatstroke.

"This includes one death caused by heatstroke in Segamat, Johor," he said in a statement yesterday.

He added that everyone should take measures to cope with the hot weather and heatwave sweeping the

country due to the El Nino phenomenon.

The hot weather could cause excessive sweating and impact the level of bodily fluids, causing fatigue as well as risk dehydration and heatstroke, Dr Noor Hisham said.

Children and elderly folks were among those most at risk of health problems from this situation, he added.

As such, the ministry had recommended measures for the public to follow, including postponing outdoor activities, such as kayaking, cycling, marathon and mountain climbing, until the situation eased.

Dr Noor Hisham said they should avoid being outside the home or office and ensure all facilities had ad-



Villager Razali Saidin, 47, showing the extent of the drought at Timah Tasoh Dam near Padang Besar, Perlis, yesterday. The area is usually under water but the heatwave has dried up the dam. Pic by Eizairi Shamsudin

equately ventilated.

He urged them to familiarise themselves with early signs of heat exhaustion and heatstroke and to immediately seek treatment if they had discomfort.

Dr Noor Hisham said other recommendations included wearing lightweight and light-coloured clothing, using hats or umbrellas and to drink water to fend off heatstroke.

The public can log on to the ministry's website for more health advice or the Meteorological Department at <http://www.met.gov.my> for information on the latest weather situation.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

Sindiket jual gambar peribadi 10,000 wanita tempatan

» *Cyber Security nasihat orang ramai tidak simpan gambar peribadi dalam telefon bimbit*

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Projek Aplikasi Keselamatan Sumber Terbuka (OWASP) Malaysia mengesan lebih 10,000 wanita tempatan dipercayai menjadi mangsa sindiket yang menyimpan dan menyebarkan koleksi gambar peribadi mereka menerusi media sosial.

OWASP Malaysia antara penggerak dalam pasukan elit siber, CyberDef Alliance, yang diwujudkan Cyber Security Malaysia (CSM) tahun lalu, mendapati 90 peratus daripada gambar dan rakaman berkenaan, membabitkan golongan remaja negara ini.

Miliki rangkaian pembekal
Ketua Peneraju OWASP Malaysia, Mohd Fazli Azran, berkata sindiket dipercayai memiliki rangkaian dengan pihak yang membekalkan gambar berkenaan seperti orang perseorangan atau dicuri oleh juruteknik kedai membaiki telefon, selain kebocoran menerusi perkongsian di laman sembang.

Beliau berkata, keghairahan pengguna merakam gambar peribadi dengan telefon pintar



“ Kami mengesan koleksi gambar peribadi itu digunakan sindiket yang berfungsi menjadi perantara untuk mendapatkan pasangan seks dan juga mengumpun mereka kononnya mendapat pendapatan menerusi penaja kaya ”

Mohd Fazli Azran,
Ketua Peneraju
OWASP Malaysia

sebelum menghantarnya kepada pasangan sendiri, menjadi punca koleksi peribadi itu tersebar dan disalah guna.

“Sindiket menggunakan media sosial dan aplikasi khusus untuk menyiarkan koleksi gambar berkenaan dengan bayaran tertentu dikenakan jika mahu melangani dan menyertai kelab media sosial mereka.

“Kami mengesan koleksi gambar peribadi itu digunakan sindiket yang berfungsi menjadi perantara untuk mendapatkan pasangan seks dan juga mengumpun mereka kononnya mendapat pendapatan menerusi penaja kaya.

“Dalam satu taktik yang dikekan, sindiket menetapkan bayaran RM1,800 untuk pendaftaran sebagai ahli kelab media sosial eksklusif dengan peluang menonton semua gambar atau video koleksi peribadi dipercayai membabitkan wanita tempatan,” katanya kepada BH.

Guna perbankan internet

Mohd Fazli berkata, hasil siasatan bersama CyberDef Alliance, pihaknya mendapati sindiket menggunakan akaun tempatan tetapi dimiliki warga asing dan semua transaksi dibuat secara perbankan internet.

“Biasanya jika mangsa ragu-ragu, barulah sindiket memberi nombor akaun bank milik rakyat tempatan yang menjadi keldai mereka,” katanya.

Dalam pada itu, OWASP juga mengesan kegiatan sindiket sugar mummy dan sugar daddy yang menyimpan koleksi gambar lucu berkenaan untuk memperdaya pengguna media sosial supaya menyertai program berkenaan.

Katanya, sindiket menawarkan pendapatan sehingga RM4,000 bagi sekali pertemuan dengan penaja kaya.

“Jika berminat, pemohon perlu membayar wang tertentu untuk proses pengesahan penyertaan dan jaminan kononnya wang dikembalikan jika gagal mendapat penaja.

“Bagaimanapun selepas bayaran dibuat, penaja dan peneman seks berkenaan tidak wujud dan sindiket gagal dihubungi,” katanya.

Beliau menggesa semua yang pernah terbahit atau menjadi mangsa sindiket seumpama itu tampil membuat laporan polis dan tidak perlu malu kerana hanya dengan langkah menyalurkan maklumat isu itu boleh diatasi pihak berkuasa.

INFO

Sindiket sebar gambar peribadi

© **Dipercayai memiliki rangkaian dengan pihak yang membekalkan gambar** seperti orang perseorangan atau dicuri oleh juruteknik kedai membaiki telefon, selain kebocoran menerusi perkongsian di laman sembang.
© **Sindiket menetapkan bayaran RM1,800 untuk mendaftar sebagai ahli kelab media sosial eksklusif** dengan peluang menonton gambar atau video koleksi peribadi dipercayai membabitkan wanita tempatan

Registration for online business mulled

KUALA LUMPUR — The Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry is looking into compulsory registration for online businesses to reduce the number of online fraud.

Its minister, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, said such laws were needed as the industry was growing fast, causing an increase in online scams.

"There are no laws requiring online businesses to register with the authorities and we are looking towards this," he said in response to Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar (BN-Kuala Kangsar).

Hamzah said businesses who wanted to conduct one-off business transactions would also be subjected to the proposed law.

"Even if they want to clear and sell the items within 30 days, they still need to register," he said.

He explained those who bought items online had the same rights as those who shop physically and were covered under the Consumer Protection Act 1999.

"This means action can be taken against businesses who cheated online," he said.

Hamzah said the ministry's Malaysia Trust Mark logo had played a part in increasing people's confidence when shopping online.

"Those who do not have the logo is still permitted to carry online business, but the logo is able to provide assurance the business is genuine," he said.

Malaysia Trust Mark is a collaboration between the ministry, CyberSecurity Malaysia and the Science, Technology and Innovation Ministry.

Hamzah said 287 complaints were made from 2013 until last month.

The numbers saw an increase with 61 cases in 2013, 83 cases in 2014 and 129 cases last year.

For this year, up until last month, there have been 14 cases reported.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSANBIZ) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 29 MAC 2016 (SELASA)

Manfaatkan mesin, kemudahan SIRIM Rasa

KUALA LUMPUR 28 Mac - Peneraju penyelidikan perindustrian dan teknologi, **SIRIM** mempelawa industri tempatan dari pelbagai sektor untuk memanfaatkan teknologi dan kemudahan yang ditawarkan di pusat teknologinya, SIRIM Rasa.

Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali berkata, SIRIM Rasa diwujudkan bagi merancang dan melaksanakan program dan aktiviti bagi membangunkan industri pemesinan, peralatan dan sokongan kejuruteraan, selaras dengan aspirasi kerajaan dan keperluan sektor pembuatan tempatan.

Ujarnya, dalam membantu industri di Malaysia, SIRIM telah menyediakan pelbagai program dan projek sepanjang tahun melalui aktiviti-aktiviti bersesuaian bagi merealisasikan hasrat kerajaan meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Katanya, kerajaan telah memberi tumpuan menyeluruh kepada pembangunan PKS dengan membantu dari segi akses kewangan, pembangunan kapasiti dan pen-

gukuhan infrastruktur.

"Menerusi pembentangan bajet 2016 baru-baru ini, terdapat beberapa insentif bagi merangsang produktiviti PKS yang melibatkan SIRIM telah diumumkan," katanya.

Program jaringan industri itu dianjurkan antaranya bagi memberi peluang kepada wakil industri untuk menyaksikan sendiri mesin

dan kemudahan yang boleh dimanfaatkan di SIRIM Rasa, serta menilai potensi penggunaannya bagi tujuan latihan dan pengeluaran industri.

Turut hadir adalah Ahli Lembaga Pengarah SIRIM Dato' Dr.

Ir. Andy Seo, Naib Presiden Penyelidikan Industri SIRIM Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman dan Ahli Majlis Kebangsaan bagi Dewan Dagangan dan Industri Cina (ACCCIM), Tan Sri Soong Siew Hoong.

Sebanyak 12 persatuan industri menghadiri sesi jaringan itu antaranya Persatuan Pengilang Malaysia, Persatuan Industri Faundri dan Kejuruteraan Selangor & Kuala Lumpur, dan Persatuan Faundri Perak.



Retain valuable talents

UCSI University recently hosted a talk by the Science advisor to the Prime Minister, Tan Sri Zakri Abdul Hamid, who spoke on "Science and Research for a Sustainable Future Malaysia, Have We missed the boat, the train or the plane?"

The audience, about 150 of them, came from various institutions including research institutes and public and private universities. A few came from industry.

The talk was the third in the university's eminent persons series.

Zakri shared his experience contributing to science at the international level. These included his involvement with many United Nations projects related to biodiversity, sustainability science and research in science.

Many agree that Zakri has left a mark on the international stage in science governance. No wonder he has been appointed to helm a number of UN entities, including the Science Advisory Committee of the UN Secretary-General where he is the only Malaysian member.

He was the founding co-chairman of the Intergovernmental Panel on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES). His latest recognition came about a month ago when he was appointed

We need 100 to 120 scientists per 10,000 workers to compete effectively internationally.

ed co-chair of the Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP), which is based in Bangkok.

What became clear from his talk was that a lot is happening in science and research at the international level. Prominent among those was the recent announcement of the UN's Sustainable Development Goals (SDG). Though much of the sustainability issues concern the environment, especially how climate change will have dire consequences on the world, a recent meeting in Senegal, Africa highlighted a worrying trend in social sustainability.

The discussion there touched on the real possibility of massive social consequences arising from the growing youth unemployment in sub-Saharan Africa. We were told that by 2020, there may be close to 500,000 youths without jobs there. The social repercussions are serious indeed.

Some must be wondering if a similar trend is shaping up in our

part of the world. It has been reported that the infamous Arab Spring was in fact driven by frustrated unemployed youths!

He also went on to compare the science that is actively pursued in the world with what is happening at home. Though there is some silver lining in terms of a few of our local scientists getting international recognition in the category of highly cited publications, on the whole we are still behind on many scores.

Our national spending on research, which is struggling to breach 1% of the GDP, is still considered low compared to the more developed economies where, on average, they spend in the region of 3% of the GDP.

As if adding salt to injury, interest in science among our students is also showing a serious decline. This does not augur well for future talents that we need to drive the nation's science and innovation. The Government is doing something to address the issues, but the slow pace of implementation is worrying.

Zakri emphasised the importance of talent in science and innovation. He presented some statistics on the shortage of science talents in the country.

Measured in terms of scientists per 10,000 workforce, we are still

at a low level of 70 to 80. We need a critical mass of at least 100 to 120 scientists per 10,000 workers if we are to effectively compete internationally.

It is rather unfortunate that a few months ago, more than 150 professors had their contracts terminated. We may have to rethink this decision. Many of these professors are still active researchers contributing to the nation's innovation.

We must remember that these professors, at 60 years plus, may have just reached the pinnacle of their research contributions.

Some are even world authorities on certain topics. It is a real shame if we do not tap on their knowledge not only to lead research but also to provide mentorship to our young scientists.

Training them must have cost the country millions of ringgit. In developed economies like the United States, professors never really retire. Even after they reach retirement age, they are given access to facilities to continue their research. We need to seriously consider keeping these professors in our talent pool.

DR AHMAD IBRAHIM
Fellow Academy of Sciences
Malaysia
UCSI University